

02 AUG 1999

Azhar-sambutan

SAMBUTAN KETIBAAN AZHAR DIATUR

LANGKAWI, 2 Ogos (Bernama) -- Dengan hanya 1,330 batu nautika lagi sebelum Datuk Azhar Mansor menamatkan pelayarannya, persediaan sedang rancak dijalankan bagi menyambut kepulangan ahli pelayaran Malaysia itu yang digelar "Wira Dunia".

Pengurus Besar Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) Datuk Abdul Halil Mutalib selaku penyelaras sambutan ketibaan Azhar berkata, persiapan sudah ditingkatkan bagi menyambut "Wira Dunia" itu sebaik sahaja beliau menamatkan pelayarannya yang dijadualkan pada 10 Ogos ini di jeti Star Cruise di sini.

Abdul Halil yang mempengerusikan mesyuarat bagi membincangkan persiapan menyambut kepulangan Azhar berkata majlis sambutan itu sudah ditetapkan membabitkan jabatan kerajaan negeri dan persekutuan di sini.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan hadir untuk menyambut Azhar sebaik ahli pelayaran kelahiran Kangar itu tiba.

Azhar kini berhadapan dengan kekurangan angin bagi hari ketiga berturut-turut.

"Masih dalam zon pertemuan Khatulistiwa dan kemajuan agak lembab dengan angin Timur Laut bertiup pada kelajuan antara empat dan lapan knot," kata Azhar dalam e-melnya kepada pangkalan darat di resort Awana Porto Malai di sini.

Azhar berkata angin bertiup perlahan dan kadangkala mati manakala cuaca mendung dan hujan sekali sekala.

Kapal Jalur Gemilang berharga RM2 juta hanya mencatatkan pelayaran sejauh 130 batu nautika sepanjang 24 jam lepas.

Azhar kini meluncur ke Sabang di Sumatera Utara iaitu sejauh 1,054 batu nautika dari kedudukannya hari ini.

Azhar yang berusaha menjadi rakyat Malaysia pertama belayar mengelilingi dunia secara solo telah berada di laut selama 181 hari dan belayar sejauh 24,062 batu nautika.

Azhar melaporkan kedudukan kapalnya pada Latitud 03 darjah 29' 37" Selatan, Longitud 080 darjah 12' 66" Timur dengan purata kelajuan enam knot.

-- BERNAMA

NH LAT MAI